



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PERASMIAN KILANG EXPLORER COMPOSITE SDN
BHD
DI BAWAH SEAFARER EXPLORER GROUP OF COMPANY
TARIKH: 13 FEBRUARI 2022 (AHAD), JAM: 3.00 PETANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis;

Yang Berhormat Datuk Lim Ban Hong,
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan
Industri Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri
Klebang;

Yang Berhormat Datuk Rahmad Bin Mariman,
Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam,
Infrastruktur Dan Pengurusan Banjir Merangkap Adun
Ayer Molek;

Yang Berbahagia Datuk Haji Azmi bin Haji Hussain,
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri
Melaka (PKNM);

Yang Dihormati DCP Datuk Wira Abdul Majid bin Mohd
Ali,
Ketua Polis Ibu Pejabat Kontijen Negeri Melaka;

YBhg. Datuk Seri, Datuk Wira, Datuk-Datuk Serta Datin,

YBrs. Encik Mike Thein Kim Siang,
Ketua Pegawai Eksekutif Seafarer Expolorer
Group;

YBrs. Encik Thein Kim Chok,
Pengurus Besar Explorer Marine Sdn Bhd,
Puchong;

YBrs. Encik Thein Kim Chong,
Pengurus Besar SB Explorer Sdn Bhd;

YBrs. Encik Thein Kim Song,
Pengurus Besar Song Service Centre;

Encik Thein Swee Liang,
Pengurus Besar Explorer Composite Sdn Bhd;

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya, pada hari ini, kita sama-sama dapat hadir pada Majlis Perasmian Kilang

Explorer Group Company.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Explorer Composite Sdn. Bhd. dibawah Seafarer Explorer Group Company di atas peramian kilang pada hari ini.

3. Secara peribadi, saya berbesar hati dan berasa bertuah kerana menerima jemputan daripada Kilang Explorer Composite Sdn Bhd di bawah Seafarer Explorer Group Of Company dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana

sudi menjemput saya untuk merasmikan kilang pada hari ini. Apapun, saya rasa masih belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru Cina. Gong Xi Fai Cai!

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Saya difahamkan Kilang Explorer Composite ini telah beroperasi lebih dari 40 tahun di Kg Pulau Gadong dan pengoperasian kilang ini merupakan milik keluarga Encik Mike Thein.

5. Saya juga tertarik dengan apa yang diucapkan oleh Encik Mike Thein sebentar tadi. Tertubuhnya kilang ini hanya dengan bermulanya hobi dan minat dalam bidang bot, memancing dan sebagainya sehingga berjaya menjadi pengeluar boat Fibre berteknologi Composite di Melaka. Ini bermakna, jika kita mempunyai minat, kita jangan biarkan minat itu terkubur, malah kita perlu menggunakan minat itu untuk memajukan diri dan kehidupan kita. Seperti yang selalu saya sebutkan, “Get it done! Bagi jadi, kasi jadi!”

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Saya juga sangat berbangga melihat pencapaian Seafarer Explorer Group kerana bukan sahaja menjalankan perniagaan, malah turut mempunyai kumpulan CSR, Team Rescue Seafarer Explorer untuk membantu mangsa-mangsa yang berdepan dengan bencana banjir tempoh hari.
7. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka memberi sokongan penuh kepada Kilang Explorer Composite Sdn Bhd Di Bawah Seafarer Explorer Group

Of Company dan berharap ia dapat memantapkan lagi pembangunan sosial dalam kalangan pekerja seiring dengan hasrat kerajaan untuk Menuju Negeri Lestari.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

8. Besar harapan saya untuk melihat lebih ramai rakyat Negeri Melaka mengikuti jejak langkah ini sekali gus dapat juga menjadi penyumbang kepada ekonomi negeri Melaka.

9. Saya berharap dan mendoakan perniagaan Encik Mike Thein sekeluarga terus berjaya agar dapat terus memberi sumbangan kepada warga Negeri Melaka. Semoga segala yang telah dirancang dan diatur berjalan dengan lancar.

10. Akhir kata, Dengan lafaz kalimah suci BismillahirRahmanirRahim, sukacitanya saya merasmikan **Kilang Explorer Composite Sdn Bhd di bawah Seafarer Explorer Group Of Company.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

-TAMAT-